

03/04/2000

Umpan pembangkang tidak lagi mengena

PAS yang tumpas dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Sanggang, Pahang sepatutnya sedar bahawa pembohongan yang mereka bawa selama ini sudah tidak lagi diterima rakyat. Rakyat tidak lagi mempercayai putar belit pemimpin parti itu kerana Pas adalah parti yang penuh tipu muslihat untuk kepentingan politik. Dalam pilihan raya umum akhir tahun lalu, Pas mungkin dapat menggegarkan sedikit kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan mengambil kesempatan pelbagai peristiwa politik dan ekonomi yang berlaku di negara ini, serantau dan antarabangsa. Ketika itu kerajaan BN agak terhimpit dengan pelbagai peristiwa yang tidak diduga berlaku secara serentak sedangkan tempoh lima tahun pemerintahan BN kian hampir, yang bermakna satu pilihan raya umum yang baru, perlu diadakan.

Kesan kegawatan ekonomi memberi peluang kepada Pas untuk memburuk-burukkan kerajaan dengan begitu meluas. Tugas seperti ini bukanlah sukar bagi Pas untuk melakukannya. Pembangkang dengan mudah mengaitkan masalah ekonomi dengan apa saja usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Mereka memberi gambaran seolah-olah kerajaan membuat keputusan yang silap, memberi kepentingan kepada pihak tertentu, melaksanakan projek yang membazir dan sebagainya. Sogokan fitnah pembangkang menyebabkan rakyat tidak dapat lagi berfikiran rasional. Mereka membakar pemikiran rakyat supaya membenci kerajaan.

Kini, apabila keadaan ekonomi mulai pulih, ramai rakyat mulai melihat peluang ekonomi di depan mata. Walaupun ketika pilihan raya umum lalu Pas begitu yakin dapat menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN), harapan mereka ternyata hampa. Peluang untuk mereka menggembar-gemburkan pelbagai isu serentak, datang hanya sekali. Sekarang, tipu helah yang mereka bangkitkan ketika pilihan raya umum lalu, terbukti palsu. Akhirnya, parti pembangkang sendiri mematikan isu berkenaan kerana hujah mereka tidak boleh lagi diterima akal. Rakyat Sanggang cuba diuji, tetapi umpan yang diberikan kepada mereka tidak lagi mengena. Mereka lebih yakin kepada kerajaan BN walaupun Pas ingin menjadikan Sanggang sebagai gelanggang pertama untuk merampas Pahang dalam pilihan raya umum akan datang.

Tidak boleh dinafikan ramai pengundi memberi undi mereka kepada pembangkang dalam pilihan raya umum lalu. Mereka sudah pun menyesal dengan tindakan mereka itu. Mereka sedar parti-parti pembangkang terutamanya Pas tidak lebih daripada parti politik yang mahu mengambil kesempatan untuk memerintah negara ini hingga sanggup memperalatkan agama. Mereka bersyukur BN tetap berkuasa.

Pas sebenarnya mengharapkan agar moral mereka dapat ditingkatkan lagi dalam pilihan raya kecil Sanggang, kelmarin. Harapan mereka sekali lagi hancur kerana rakyat Sanggang juga mengenali antara kaca dan permata. Jika dalam pilihan raya lalu Pas yang menganggotai Parti Alternatif dapat mengekalkan pemerintahan di Kelantan dan merampas Terengganu, selepas ini Pas akan menghadapi padahnya di tangan rakyat di kedua-dua negeri itu.

Sebagaimana terbukti di Sanggang, mereka tidak lagi yakin dengan Pas kerana sedar parti itu terbukti tidak dapat memerintah dengan baik. Apakah rakyat yakin dengan beberapa nama yang bergelar pemimpin dalam parti itu dapat meletakkan Malaysia pada tahap yang dihormati dunia. Rakyat tentunya sedar, tidak ada seorang pun pemimpin parti itu yang dapat menandingi ketokohan kepemimpinan Umno yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kekalahan Pas di Sanggang dengan jelas menunjukkan kebangkitan semula

Umno setelah diujani pelbagai masalah dalaman parti. Jika sewaktu dalam pilihan raya umum lalu, ahli-ahli Umno berpecah-belah, mereka sudah pun bertaut semula. Ini membuktikan bahawa Pas sebenarnya bukanlah parti yang kuat dan diterima umum. Tetapi, disebabkan ada masalah terutamanya di bahagian-bahagian dalam Umno, Pas seolah-olah muncul sebagai jaguh. Ada juga yang mengatakan rakyat terutamanya orang Melayu tidak gemar melihat perpecahan dalam Umno. Mereka ingin menyedarkan parti bahawa perpecahan tidak membawa kebaikan kepada parti, bangsa dan negara. Oleh itu, mereka ingin memberi nasihat dengan cara mengundi parti pembangkang supaya pada masa akan datang Umno tidak mengulangi kesilapan terutamanya di kalangan mereka yang berebut tempat untuk menjadi calon.

Selepas Sanggang, Umno pasti dapat menggerakkan semula jentera parti di seluruh cawangan, bahagian, negeri dan Pusat. Sekiranya selepas ini diadakan lagi pilihan raya kecil di kawasan yang diduduki Pas sekali pun, rasanya BN lebih yakin untuk menghadapi mereka.

(END)